



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NILAI-NILAI MURNI DALAM PERIBAHASA DAN PENGAJARANNYA DI SEKOLAH MENENGAH

THALATHA ZAITUN BT MOHD. LAZIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengakui kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

08.04.2005

THALATHA ZAITUN BT MOHD. LAZIM
M20031001023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Segala puji-pujian kepada Allah , selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan keizinan dan rahmat-Nya pengkaji diberi idea, semangat, dan tenaga dalam usaha menyiapkan kertas projek ini. Besarlah harapan pengkaji agar kajian ini memenuhi kehendak penyelia. Setiap insan tidak sunyi daripada segala kelemahan dan kekurangan, begitulah dengan diri pengkaji kerana yang lengkap dan sempurna hanyalah milik Allah S.W.T.

Pengkaji terhutang budi kepada Prof. Dr. Abdullah Hassan selaku penyelia yang banyak mencurahkan ilmu, memberi cadangan, bimbingan, dan kritikan yang membina. Walau bagaimanapun pengkaji tidak pernah patah semangat kerana pengkaji yakin segala teguran dan nasihat beliau itu demi memantapkan kajian ini. Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta mendoakan beliau sentiasa diberi kesejahteraan. Insya-Allah.

Pengkaji tidak lupa jasa suami, Hj Normuda b. Mohd Noor yang sanggup bersama-sama menemani mencari bahan perpustakaan di DBP, UM dan USM malah bersengkang mata menaip dan memberi semangat serta dorongan. Terima kasih kepada anak-anak yang sabar dengan kerentah ibu sehingga kalian terpaksa menguruskan diri masing-masing bahkan kadang-kadang turut sama membantu. Penghargaan juga kepada ibu dan ibu mentua yang sentiasa berdoa untuk kejayaan anakanda. Sesungguhnya dalam menyiapkan kajian ini memerlukan banyak kesabaran, pengorbanan dan ketelitian, namun begitu banyak pula ilmu yang dapat dimanfaatkan.

Terima kasih juga kepada kakitangan perpustakaan awam Taiping, UPSI, DBP, UM, dan USM. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Kak Roam, Cikgu Rani dan rakan-rakan sekuliah yang sentiasa memberi sokongan moral. Begitu juga rakan jemaah surau yang tidak putus-putus mendoakan agar diberi kemudahan di dunia dan akhirat.

Semoga kerjasama dan pertolongan yang dicurahkan oleh semua pihak diingati sepanjang hayat dan mendapat ganjaran daripada Allah. Amin.

THALATHA ZAITUN BT MOHD. LAZIM (M20031001023)
SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU,
FAKULTI BAHASA,
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mencari nilai-nilai murni yang terdapat dalam peribahasa yang dipilih. Buku Kamus PTS Kamus Peribahasa Kontemporari (2004) adalah sumber rujukan utama. Bagi mendapatkan data, pengkaji menggunakan kaedah kajian perpustakaan yang bersifat kualitatif. Kajian ini cuba mengklasifikasikan nilai-nilai murni dalam bidalan berdasarkan set nilai-nilai murni yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998 (17 komponen). Selain mengklasifikasikan kandungan bidalan, pengkaji juga membuat pemerhatian terhadap pengajaran guru iaitu dari segi kaedah, bahan dan bagaimana guru menerapkan nilai dalam peribahasa. Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif bagi menjelaskan sesuatu fenomena. Dapatkan menunjukkan nilai murni ‘Rasional’ paling banyak ditemui dalam bidalan yang dikaji. Hal ini membuktikan peribahasa Melayu memandu kita supaya membuat pertimbangan yang waras semasa menjalani kehidupan. Pengkaji turut menemui 31 nilai murni lain dengan mengambil contoh bidalan dan pepatah. Dari segi menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran peribahasa masih tidak menampakkan keberkesanannya. Guru masih mengamalkan kaedah lama yang bergantung pada buku teks dan buku kerja. Walau bagaimanapun dapatkan ini bukanlah menggambarkan keseluruhan pengajaran sedemikian sebaliknya mungkin terhad di sekolah berkenaan sahaja. Sesungguhnya kajian ini amat bermakna kepada generasi muda agar menilai dan menghargai peribahasa yang bukan sahaja kaya hasil seni malahan bernilai kerohanian.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRACT

This study is done to find the moral values in chosen proverbs. The main source of reference for this study is Kamus PTS Kamus Peribahasa Kontemporari (2004). To get the data, the researcher used a qualitative library research method. This study tries to classify the moral values in the proverbs according to the moral values outlined by the Ministry of Education, 1998 (17 components). Apart from classifying the content of proverbs, the researcher also looked at the teaching techniques, materials and how the teachers instill the values of the proverbs. This study uses a descriptive way to explain a phenomenon. The value ‘Rational’ was the most found value in the studied proverbs. This proves that Malay proverbs guide us in making a good judgement in our everyday lives. The researcher also found 31 other moral values from example ‘pepatah’(saying alluding to social customs) and ‘bidalan’ (maxims, guides, metaphors). The instilling of moral values in teaching of proverbs still does not show results. Teachers still use the old way that is depending on textbooks and workbooks. However the results do not reflect the whole of teaching instead it might be limited to the chosen school only. Thus, this study is important to the young generations to value and appreciate the proverbs that are not only rich in artwork but also in values.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

	Muka surat
HALAMAN JUDUL	
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Kajian	9
1.3 Ojektif Kajian	13
1.4 Kepentingan Kajian	14
1.5 Batasan Kajian	17
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Konsep Nilai	19
2.2 Peribahasa	23
2.3 Kajian dan Penulisan yang Berkaitan	24
2.4 Konsep Nilai dalam Pendidikan	26
2.5 Nilai dalam Peribahasa	29
2.6 Bagaimana Menerapkan Nilai	32
2.7 Rumusan Konsep	37



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	39
3.2	Sampel Kajian	40
3.3	Prosedur Pengumpulan Data	40
3.4	Kesimpulan	43

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan Dapatan Kajian	44
4.1.1	Klasifikasi Nilai-Nilai Murni dalam Bidalan	44
4.1.2	Peratusan Nilai Murni dalam Bidalan	45
4.1.3	Tinjauan Mengajar yang diamalkan oleh Guru-guru Bahasa Melayu sekarang	57



4.2	Perbincangan	59
4.2.1	Nilai ‘Berhati-hati atau Berwaspada’	59
4.2.2	Nilai ‘Keinsafan’	61
4.2.3	Nilai ‘Jimat-cermat’	62
4.2.4	Nilai ‘Ketegasan’	63
4.2.5	Nilai ‘Ketaatan’	64
4.2.6	Nilai ‘Merendah diri’	65
4.2.7	Nilai ‘Cintakan ilmu’	66
4.2.8	Nilai ‘Tahu diri’	68
4.2.9	Nilai ‘Malu’	69
4.2.10	Nilai ‘Bersangka baik’	71





4.2.11 Nilai ‘Menunaikan janji’	72
4.2.12 Nilai ‘Kejujuran dan Keikhlasan’	73
4.2.13 Nilai ‘Bertanggungjawab’	75
4.2.14 Nilai ‘Kasih sayang’	76
4.2.15 Nilai ‘Menghargai masa’	77
4.2.16 Nilai ‘Kesyukuran’	78
4.2.17 Nilai ‘Keberanian’	79
4.2.18 Nilai ‘Keadilan’	80
4.2.19 Nilai ‘Kesopanan’	82
4.2.20 Nilai ‘Kerajinan’	83
4.2.21 Nilai ‘Ketekunan’	84
4.2.22 Nilai ‘Berdikari’	85
4.2.23 Nilai ‘Rasional’	85
4.2.24 Nilai ‘Hormat-menghormati’	86
4.2.25 Nilai ‘Kesabaran’	87
4.2.26 Nilai ‘Pemurah’	88
4.2.27 Nilai ‘Muafakat’	90
4.2.28 Nilai ‘Kesederhanaan’	90
4.2.29 Nilai ‘Patriotik’	91
4.2.30 Nilai ‘Keyakinan’	92
4.2.31 Nilai ‘Membalas budi’	93





4.3	Pengajaran Nilai dalam Peribahasa	94
4.3.1	Contoh Rancangan Mengajar Nilai dalam Peribahasa	96
4.3.2	Contoh Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	98
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Kesimpulan	100
5.2	Cadangan	102
	RUJUKAN	105
	LAMPIRAN A	





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Senarai Jadual

Jadual 3.1	41-43
Jadual 4.1	45-54
Jadual 4.2	56



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

x



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

FPN	Falsafah Pendidikan Negara
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
P&P	pengajaran dan pembelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TV	televisyen
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
hlm.	halaman
bd	bidalan
ppt	pepatah
%	tanda peratus
+	tanda tambah (digabungkan)
x	kali (darab)
BBB	bahan bantu belajar
S.W.T	Subhanahuwataala
S.A.W	Sallallahuaihiwassalam
VCD	Video Cakera Padat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Hampir setiap bangsa di dunia ini mempunyai peribahasa yang menggambarkan peradaban bangsanya. Hakikat ini diakui oleh Awang Sariyan (1991) kalau tamadun bangsa Cina memiliki kata hikmat *Analek* sebagai hasil pemikiran dan renungan Kung Fu Tze, tamadun Yunani terkenal dengan ungkapan falsafah Socrates, Plato, dan Aristotle, maka tamadun Melayu dapat dibanggakan dengan ungkapan falsafah dan kata hikmat yang dipadatkan dalam bentuk peribahasa. Yang membezakan keunikan falsafah Melayu daripada ungkapan falsafah tamadun lain ialah tiadanya nama individu yang tertentu yang dipertalikan dengan proses penciptaan peribahasa. Hal ini bukan saja membayangkan kerendahan hati para pemikir dan pujangga Melayu, malahan membuktikan bahawa segala pengajaran yang tersirat di sebalik peribahasa itu menjadi milik dan amalan bersama seluruh masyarakat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Alias Mohammad Yatim (1998) mengatakan peribahasa ialah salah satu cabang sastera lama. Sehingga saat ini, tidak ada tokoh sastera mahupun tokoh sejarah yang menyatakan dengan tepat tarikh kewujudan peribahasa. Kebanyakan mereka merumuskan bahawa peribahasa wujud bersama wujudnya bahasa dan peradaban manusia. Sementara Lim Kim Hui (1998) menyatakan pada peringkat awal, peribahasa sekadar suatu ungkapan berbentuk lisan dan tidak terdapat usaha pengumpulan dan penerbitannya dalam bentuk buku yang dilakukan sehingga abad ke-18 .

Peribahasa ialah kelompok kata atau kalimat yang tetap susunannya dan sedap didengar. Dari segi struktur, dapat difahami bahawa peribahasa melalui ciri gabungan kata. Peribahasa terdiri daripada pepatah, bidalan, perbilangan, perumpamaan, dan simpulan bahasa.

Pada umumnya simpulan bahasa terdiri daripada dua patah perkataan. Contohnya *besar kepala*. Walau bagaimanapun terdapat juga simpulan bahasa yang mempunyai sepatah kata misalnya *diperbudak* dan tiga patah perkataan contohnya *direbus tak empuk*. Pola bentuk simpulan bahasa terdiri daripada kata dasar + kata dasar misalnya *kelikir dayung*. Bentuk kata berimbuhan + kata dasar misalnya *melepas geram*. Kata dasar + kata berimbuhan contoh *Hanyut fikiran*, dan kata berimbuhan + kata berimbuhan contoh *mendapat kecelakaan*.

Menurut Za'ba (1965), terhasilnya simpulan bahasa adalah berdasarkan empat perkara iaitu daripada perbandingan misalnya *Abu Jahal*, *Mat Jenin*, *Lebai Malang*, *Pak Pandir* dan sebagainya. Kedua, simpulan bahasa berdasarkan benda atau keadaan yang berlaku dalam masyarakat sekeliling contohnya, *mendabik dada*, *hati binatang* dan sebagainya. Ketiga, simpulan bahasa berdasarkan daripada kepercayaan orang ramai





contohnya *harimau berantai*, *harimau jadian*, *buruk siku*, *keramat hidup* dan sebagainya. Akhir sekali simpulan bahasa berdasarkan kebiasaan atau resaman bahasa misalnya *keras kepala*, *lancang mulut*, *langkah kanan* dan sebagainya.

Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2001) simpulan bahasa boleh menjadi perumpamaan apabila diberi perkataan-perkataan laksana, bak, umpama, macam, bagi, seolah-olah, ibarat dan seperti di hadapannya. Sebagai contoh:

Lintah darat (simpulan bahasa).
Ibarat lintah darat (perumpamaan).

Simpulan bahasa juga boleh menjadi bidalan apabila didahului oleh perkataan *jangan*. Contohnya:

Bercermin di air keruh (simpulan bahasa).
Jangan bercermin di air keruh (bidalan).

Perumpamaan tergolong dalam peribahasa berlapis, iaitu mengandungi makna tersurat dan tersirat. Terdapat dua bentuk perumpamaan, iaitu yang menyatakan perbandingan secara terang-terangan dan yang tidak menyatakan perbandingan secara terang-terangan. Perumpamaan yang menyatakan perbandingan secara terang-terangan didahului kata sendi nama dengan kata-kata perbandingan seperti, **umpama**, **bagai**, **laksana**, **ibarat**, dan **bak**.

Contoh perumpamaan yang disebut perbandingan:

- a. Seperti biawak, masakan hilang kesatnya.
- b. Umpama air digenggam tak tiris.
- c. Bagai kerakap naik junjung.
- d. Ibarat beban sudah ke tepi.
- e. Laksana kera dapat bunga.





f. **Bak ajung berat sebelah.**

Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2001) biasanya perkataan **seolah-olah, ibarat, laksana, bak, bagi, macam dan umpama** berada di hadapan perumpamaan. Tetapi ada kalanya perkataan-perkataan itu berada di tengah-tengah perumpamaan. Sebagai contoh:

Payah **umpama** memelihara diri dalam sarang lebah

Pantas **seperti** lipas kudung

Cantik **bagai** bulan penuh

Perumpamaan boleh menjadi bidalan apabila menggunakan perkataan **jangan, biar dan ingat**. Sebagai contoh:

Seperti menggenggam bara api, terasa hangat dilepaskan (perumpamaan).
Jangan digenggam **seperti** bara api, terasa hangat dilepaskan (bidalan).

Simpulan bahasa boleh menjadi perumpamaan apabila diberi perkataan **macam, seperti** dan seumpamanya.

Sebagai contoh:

Kaca terhempas ke batu (simpulan bahasa).

Seperti kaca terhempas ke batu. (perumpamaan).

Pekak badak (simpulan bahasa).

Pekak **macam** badak (perumpamaan).

Pepatah atau perbilangan pula, mempunyai struktur yang hampir sama dengan bidalan melainkan perbilangan disusun berangkap-rangkap seperti ikatan puisi. Setiap rangkai pepatah terdiri daripada dua baris atau lebih dan disebut satu demi satu, biasanya berkait rapat dengan adat istiadat, undang-undang atau peraturan masyarakat.





Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2001) pepatah atau perbilangan ialah ungkapan-ungkapan yang berasal-usul daripada pusaka adat resam. Makna ungkapan-ungkapan itu tidak berubah-ubah. Pepatah berfungsi sebagai pedoman hidup anggota masyarakat yang mengamalkan sesuatu adat resam. Pepatah memiliki ciri-ciri puisi tradisional Melayu misalnya *nak kaya berdikit-dikit, nak ramai bertabur urai, pada sangka pohon beringin, kiranya tersandar di punggur lapuk, tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan.*

Bidalan ialah peribahasa yang berfungsi sebagai nasihat seperti perumpamaan, bidalan juga mempunyai maksud dua lapis. Bagaimanapun bidalan tidak didahului oleh kata sendi nama seperti, *bagai, laksana dan umpama*. Perbezaan antara bidalan dengan pepatah ialah bidalan lebih kerap digunakan, mempunyai nilai, ilmu dan pengajaran, sedangkan pepatah lebih ringkas sifatnya.



Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2001) bidalan ialah pepatah atau peribahasa yang berfungsi sebagai nasihat. Berikut ialah contoh-contoh bidalan:

- i) *Jika pandai menggunting, hendaklah pandai menjahitnya.*
- ii) *Kalau kail panjang sejengkal, lautan dalam jangan diduga.*
- iii) *Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan.*

Walau bagaimanapun generasi moden kini telah mengubahsuaikan peribahasa lama kepada bentuk baharu sama ada kita sedari atau tidak. Segala kias ibarat dilahirkan itu lebih tepat dan terbuka. Hal ini dapat kita perhatikan melalui percakapan, televisyen, radio, buku-buku umum, novel, cerpen dan akhbar. Ishak Ramli (1990) mengakui bahawa semakin matang daya fikiran manusia, maka semakin bertambah bilangan bahasa kiasan dan sindiran di gunakan.





Bagi Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2001) setiap generasi menerbitkan peribahasa mereka sendiri. Oleh itu kebanyakan peribahasa yang terakam dalam karya-karya lama tidak lagi difahami dan digunakan oleh generasi hari ini. Sebagai contoh *Bak orang gombang di lebuh, jual sutera beli mastuli* sudah tentu tidak difahami oleh generasi sekarang maksud kosa kata *orang gombang* dan *mastuli*. Bertitik tolak dari situ, lahirlah ungkapan baharu seperti *otak bergeliga* menggantikan *otak komputer*, dan harapkan pagar, pagar makan padi mempunyai padanan modennya *harapkan tin jaga biskut, tin makan biskut*. Selain itu, terdapat peribahasa moden seperti *tiup trompet sendiri, kayu pengukur, mulut laser, seperti tiang telefon, pasar tani, calon bebas, rundingan meja bulat, hitam putih, buku hijau* dan banyak lagi.

Kemahiran mencipta peribahasa menjadi kegemaran generasi sekarang dan terhasillah peribahasa moden misalnya *macam enjin diesel* bermaksud wanita yang sudah tidak datang haid atau menopause, *cantik macam bunga plastik* bermaksud perempuan yang cantik bukanlah dalam keadaan asli sebaliknya menggunakan ‘make-up’ atau pembedahan plastik, *pokok buah yang paling manis itu saja yang dibaling orang* bermaksud orang akan mengkritik jika baik, *tak bercakap macam bodo, apabila bercakap sah bodo* (dipinjam daripada bahasa Inggeris) bagi tujuan mengkritik orang yang bodoh dan tidak mahu mendengar pendapat orang yang lebih pakar, dan *sebatang pokok getah tidak boleh menjadi estet* (dipinjam daripada masyarakat India) bermaksud kalau seorang sahaja yang pandai tidak boleh berbuat apa-apa bagi kepentingan masyarakatnya.

Peribahasa dicipta setiap hari oleh semua penutur sesuatu bahasa. Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2001) proses ini biasanya tidak disedari oleh



mereka. Sebagai contoh, terdapat bahasa kiasan baru yang kerap digunakan di kampus dan di kampung. Misalnya:

- i. *Macam kacang* merujuk kepada kertas peperiksaan yang mudah dijawab.
- ii. *Kertas koyak* merujuk kepada soalan yang susah.
- iii. *Tuang* bermaksud ponteng sekolah, kuliah, kelas atau kerja.
- iv. *Sampai hukum* bermaksud meninggal dunia.
- v. *Menganyam ketupat* bermaksud asyik mereka cerita dan mengumpat.
- vi. *Bahasa rojak* bermaksud penggunaan bahasa Inggeris dan Melayu bercampur baur.
- vii. *Otak subsidi* bermaksud orang yang hanya mengharapkan bantuan.
- viii. *Kereta seperti tin milo* bermaksud kereta yang diperbuat daripada besi murah, mudah kemik.
- ix.  05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi *Mencium punggung kereta* bermaksud melanggar kereta di hadapan.
- x. *Kereta bercium* merujuk kepada berlakunya kemalangan.
- xi. *Rezeki terpijak* menggantikan durian runtuh iaitu mendapat rezeki secara tiba-tiba (sebaliknya jika durian runtuh merugikan petani kerana muda dan tidak laku dijual).
- xii. *Saman ekor* bermaksud saman yang diterima melalui surat.
- xiii. *Saham Pak Man Telo* merujuk kepada penyimpan yang menyertai skim cepat kaya tanpa berlesen.
- xiv. *Jaguh kampung* bermaksud pemain atau sesuatu pasukan hanya hebat dan menang di tempat atau negeri sendiri.
- xv. *Bertarung nyawa* berasal *nyawa-nyawa ikan* yakni hampir mati.



- xvi. *TV3* bermaksud orang yang membawa berita terkini.
- xvii. *Cinta internet* bermaksud percintaan melalui internet atau tidak pernah bersua muka dan mendengar suara.
- xviii. *Tangan sejuk* bermaksud seseorang yang mempunyai kelebihan menanam pokok sehingga tumbuh subur.

Bagi mencipta bahasa kiasan dan peribahasa bukan sahaja memerlukan bakat tetapi boleh berlatih seperti belajar kemahiran bahasa Melayu yang lain. Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2001) menyatakan pada suatu masa dahulu, kemahiran mencipta bahasa kiasan dianggap bakat semula jadi yang dimiliki oleh para pengarang karya-karya sastera. Mereka semacam memiliki bakat istimewa yang diberi oleh Tuhan kepada golongan tertentu sahaja. Pandangan ini telah berubah atas kesedaran bahawa bakat tersebut sebenarnya adalah sejenis kemahiran berbahasa. Oleh sebab ia suatu kemahiran, sesiapa sahaja boleh menguasainya dengan cara mempelajari teknik yang berkenaan dan berlatih menggunakannya.

Walau bagaimanapun, para pencipta kiasan atau peribahasa moden haruslah mengetahui kaedah untuk membentuk peribahasa ini dan menggantikan peribahasa lama kepada simbol baharu. Hal ini penting agar peribahasa tersebut mengandungi nilai dan falsafah. Kemahiran mencipta peribahasa merupakan kemahiran yang tinggi. Kemahiran ini memerlukan penggunaan bahasa yang kreatif. Dengan adanya pemahaman tentang kaedah penciptaan dan kepentingan peribahasa itu memungkinkan kita memahami warisan budaya bangsa kita.





1.2 Pernyataan Kajian

Kajian ini berfokus kepada nilai murni dalam peribahasa dan pengajarannya di sekolah menengah. Peribahasa mendidik masyarakatnya dengan bahasa yang halus (Ismail Hamid, 1989). Sebagai bahasa yang halus, bahasa beradab sopan tentulah banyak nilai murni dapat disampaikan melalui kalimat, makna dan mesejnya.

Nilai murni merupakan salah satu istilah dasar yang menandai satu babak peralihan dalam sistem pendidikan di negara kita. Istilah tersebut berkaitan rapat dengan istilah-istilah lain yang memancarkan falsafah, pendekatan dan matlamat mutakhir sistem pendidikan kita. Bersama-sama dengan istilah dasar yang lain seperti pendidikan bersepadu, penyerapan, penggabungjalinan, mata pelajaran teras, mata pelajaran pelengkap (elektif), budaya ilmu, insan harmonis dan beberapa lagi, istilah nilai murni menjadi salah satu inti pati konsep Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Sekolah Rendah (KBSR) yang menandai era baru sistem pendidikan kita (Awang Sariyan, 2004:106).

Sebenarnya pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan satu daripada reformasi penting dalam sejarah negara kita. KBSM yang diperkenalkan pada tahun 1988 digubal sebagai kesinambungan daripada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang telah dilaksanakan pada tahun 1982. Inovasi ini berlaku selaras dengan beberapa perakuan yang dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, iaitu :

... mengkaji semula matlamat dan kesannya sistem pelajaran sekarang termasuk kurikulumnya, dalam rangka dasar pelajaran kebangsaan yang wujud, dengan tujuan untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara ini dapat dipenuhi sama ada dari segi jangka pendek maupun jangka panjang, dan lebih-lebih lagi untuk mempastikan bahawa sistem pelajaran itu





dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu-padu, berdisiplin dan terlatih.

(Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979: 1).

Berdasarkan perakuan di atas, beberapa tindakan telah dibuat untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM). Pada peringkat KBSM, penggunaan Bahasa Melayu merentasi kurikulum bertujuan membimbing pelajar menguasai kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan dalam perhubungan sehari-hari dalam bidang ilmu sama ada bagi melahirkan fikiran atau menimba ilmu pengetahuan. KBSM digubal berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara telah dilaksanakan secara menyeluruh pada tahun 1988. Dalam rancangan KBSM, pendidikan bersepadu merupakan strategi menjalin unsur-unsur ilmu dan kemahiran, bahasa dan nilai-nilai murni dalam semua bidang pembelajaran. Semua aspek dalam pendidikan diterapkan dengan nilai-nilai murni yang terancang melalui sukan pelajaran yang dirancang. Sistem nilai ini pula akan menjurus kepada nilai-nilai kemanusiaan dan nilai-nilai kemasyarakatan sejagat yang telah disesuaikan dengan sosiobudaya kaum di Malaysia.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menitikberatkan perkembangan potensi dan personaliti pelajar mengandungi nilai-nilai murni iaitu:

- i. Baik hati
- ii. Berdikari
- iii. Hemah tinggi
- iv. Hormat menghormati
- v. Kasih sayang





- vi. Keadilan
- vii. Kebebasan
- viii. Keberanian
- ix. Kebersihan fizikal dan mental
- x. Kejujuran
- xi. Kerajinan
- xii. Kerjasama
- xiii. Kesederhanaan
- xiv. Kesyukuran
- xv. Rasional
- xvi. Semangat bermasyarakat
- xvii. Semangat kewarganegaraan



Falsafah hidup dan kehidupan murni yang diidamkan tidak mungkin terserlah dan terlaksana tanpa pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990:17). Nilai murni pula adalah tanggapan tentang perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga ia menjadi kriteria atau ukuran. Ia merujuk kepada tanggapan tentang perkara-perkara yang baik, mulia, dan tetap. Dari sudut sosiologi, nilai-nilai murni dimaksudkan sebagai luhur (sacred). Nilai sebaliknya dimaksudkan sebagai nilai-nilai yang tidak kudus (profane) yang bersifat nisbi, cair, dan berubah-ubah (Kementerian Pendidikan Malaysia 1990:23).

Dalam edisi penyesuaian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu tahun 2000, komponen sastera diperkenalkan. Pada tahun 2002, guru-guru bahasa Melayu Tingkatan I dan IV diberi kursus pendedahan bagi melaksanakan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu





Menengah (Semakan). Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah (Semakan) dilaksanakan mulai tahun 2003. Matlamat mata pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah (Semakan) adalah untuk melengkapkan pelajar dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan urusan harian. Oleh itu, sukatan pelajaran (semakan) ini, membahagikan kepada tiga bahagian utama bahasa iaitu Bidang Interpersonal, Bidang Maklumat dan Bidang Estetika. Dalam bidang estetika, pengajaran dan pembelajaran (P&P) menitikberatkan aspek keindahan bahasa. Pelajar-pelajar dibimbing untuk menghasilkan penulisan yang bukan sahaja baik dari segi tatabahasa dan pengolahan ayat tetapi dapat menggunakan peribahasa dalam pelbagai situasi.

Melalui Sukatan Bahasa Melayu (Semakan) tersebut, pelajar digalakkan supaya mengaplikasikan peribahasa dalam penulisan seperti dalam binaan ayat dan penulisan karangan. Sejajar dengan hal ini, mulai tahun 2004 soalan Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia format terkini dimasukkan soalan berkaitan peribahasa (Soalan 3(e) Bahasa Melayu Kertas II).

Huraian Sukatan Pelajaran (KBSM) Bahasa Melayu Tingkatan Empat pula menggariskan penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni bertujuan untuk membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai masyarakat Malaysia harus diterapkan dengan terancang sama ada secara langsung atau tidak langsung dan dilanjutkan di peringkat antarabangsa selaras dengan keperluan globalisasi. Nilai murni ini ialah haik hati, kerajinan, keadilan kejujuran, rasional, kesyukuran, kerjasama, hemah



tinggi, kesederhanaan, kebebasan, kebersihan fizikal dan mental, keberanian, keyakinan, berdikari, tanggungjawab, patriotik, kasih sayang, menghargai, hormat-menghormati ketekunan, dan semangat kemasyarakatan.

Penggunaan peribahasa dapat menyemai nilai-nilai murni selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain itu, peribahasa bukan sahaja berisi dengan erti yang tepat dengan kias ibarat, malah bahasanya teratur, ringkas dan padat. Ungkapan dalam peribahasa itu sendiri memberi motivasi kepada pelajar mempelajari bahasa.

Jika ditinjau dengan lebih mendalam, pengajaran Bahasa Melayu yang menyelitkan peribahasa dapat membina personaliti pelajar. Hal ini adalah penting kerana isu remaja tidak pernah sunyi dalam perbualan masyarakat. Selaras dengan fungsi dan falsafah yang terkandung dalam peribahasa adalah menarik untuk mengkaji sejauh mana peribahasa mengandungi nilai-nilai yang dapat membina sahsiah remaja daripada melanggar landasan moral, agama dan undang-undang.

1.3 Ojektif Kajian

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah Tingkatan Empat menjelaskan bahawa peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan, kata-kata hikmat dan bahasa kiasan yang perlu diajarkan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa, kata-kata hikmat dan bahasa kiasan hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

Dua objektif yang ditetapkan dalam kajian ini ialah :

- (a) Mengenal pasti sejauh manakah 17 nilai-nilai murni yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terserap dalam peribahasa (khususnya bidalan). Bagi memenuhi tujuan tersebut, pengkaji mengklasifikasikan bidalan berdasarkan set nilai-nilai murni yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992 (16 komponen) dan 1998 (tambahan satu komponen). Pengkaji akan mencadangkan nilai-nilai murni dalam peribahasa selain nilai-nilai yang ditetapkan. Contoh-contoh nilai yang dikemukakan diambil daripada bidalan dan pepatah yang terdapat dalam buku Kamus PTS Kamus Peribahasa Kontemporari (2004).
- (b) Meninjau amalan P&P sekarang iaitu dari segi kaedah mengajar dan bahan yang digunakan untuk mengajar peribahasa. Tinjauan ini untuk melihat pengajaran peribahasa di sekolah menengah dan cara guru menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar. Berdasarkan tinjauan ini, pengkaji akan membincangkan sejauh manakah keberkesanan cara mengajar yang diamalkan tersebut dan memberi cadangan. Oleh yang demikian, sampel yang dipilih bukanlah dalam bilangan yang besar.

1.4 Kepentingan Kajian

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM (Semakan), menjelaskan aspek bahasa yang indah dijadikan fokus utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan peribahasa dalam karangan dapat meningkatkan markah dari segi pengolahan dan bahasa. Hal ini

demikian kerana markah dalam Bahasa Melayu Kertas I terdiri daripada ketepatan (10 markah), isi (25 markah), bahasa (45 markah) dan pengolahan (20 markah). Oleh itu jika pelajar menguasai bahasa dan aspek pengolahan, maka mereka akan memperoleh markah yang tinggi (65 markah).

Malangnya pelajar sekarang kurang memahami maksud dan penggunaan peribahasa, malah tidak keterlaluan jika dikatakan masyarakat kita pada hari ini juga mula melupai warisan yang berharga itu. Hal ini demikian kerana peribahasa tidak lain daripada bentuk bahasa yang klise dan hanya digunakan oleh orang tua dalam upacara tertentu sahaja (Mohd. Zaini Othman, 2003).

Pelajar juga bukan sahaja kurang mahir menggunakan peribahasa malah tidak mengetahui maksud tersirat walaupun peribahasa yang mudah. Kemahiran peribahasa amat penting bagi membuat pengenalan, isi mahupun penutup karangan. Dengan menggunakan peribahasa dalam penulisan, huraiann isi bukan sahaja mantap dan sempurna malah menjadi menarik, indah dan berkesan sebaliknya tanpa diselitkan peribahasa, penulisan tersebut menjadi hambar.

Kajian ini amat penting bagi meningkatkan kesedaran pelajar khasnya dan masyarakat umumnya agar mengaplikasikan peribahasa dalam bentuk tulisan mahupun lisan. Dengan ini warisan nenek moyang kita akan berkekalan seiring dengan kemajuan sains dan teknologi. Falsafah yang terkandung dalam peribahasa bukan sahaja menggambarkan ketajaman akal dan ketelitian bahkan tersirat nilai-nilai murni yang boleh dijadikan panduan hidup selaras dengan kehendak kementerian. Hal ini dapat kita lihat pada akhir Laporan Jawatankuasa Kabinet yang menekankan tentang pentingnya

pendidikan sebagai proses pembinaan keperibadian insan yang seimbang seperti berikut:

Untuk kepentingan pembangunan negara tenaga rakyat yang diperlukan bukan sahaja perlu dilihat dari segi bilangan, jenis pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bahkan perlu dilihat dari segi nilai-nilai disiplin yang perlu diterima. Dari segi sikap , mereka perlu jujur dan dedikasi terhadap kerja. Mereka bukan sahaja perlu cekap bahkan perlu boleh berfikir dan bertindak dengan baik sama ada secara sendiri mahupun secara beramai-ramai dengan berpandukan kepada punca-punca akhlak yang mulia. Tegasnya, individu yang dilahirkan dari sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan kemanusiaan.

(Laporan Jawatankuasa Kabinet para 452, hlm. 227).

Kajian ini penting terutamanya kepada generasi muda agar dapat menilai dan menghargai sesuatu hasil seni bernilai kerohanian sekaligus membantu pembentukan nilai-nilai murni. Selain itu, kajian ini amat penting kerana Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan kurikulum bagi mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah menengah yang disemak semula. Pelaksanaan P&P dalam mata pelajaran ini telah bermula pada tahun 2003. Sejajar dengan hal yang demikian, pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia telah mereka bentuk format pentaksiran bagi mata pelajaran ini berdasarkan hasrat dan kandungan kurikulum tersebut seperti yang terkandung dalam sukatan pelajaran dan huraihan sukatan pelajaran. Format pentaksiran tersebut telah diluluskan pada tahun 2003 yang mengandungi soalan peribahasa dan telah diguna pakai dalam peperiksaan SPM 2004 yang lalu. Dengan adanya format terkini pelajar sepatutnya mempelajari peribahasa.

Selain itu, kajian ini dapat membantu pendidik mengajar nilai murni dalam peribahasa. Pembentukan masyarakat penyayang merupakan salah satu hasrat dalam Wawasan 2020 (Zurinah Hassan, 1994:43). Oleh yang demikian, kajian nilai murni

dalam peribahasa ini dapat menyumbang pembentukan tingkah laku dan jiwa yang murni seterusnya melahirkan masyarakat penyayang.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini berdasarkan buku Kamus PTS Kamus Peribahasa Kontemporari yang dihasilkan oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2004), dijadikan sumber utama. Buku ini mengandungi 18,742 peribahasa termasuk 7,000 peribahasa terbaru yang belum pernah diterbitkan sebelum ini. Walaupun terdapat banyak kamus peribahasa di Malaysia, tetapi kamus ini dipilih kerana kamus ini ialah usaha terbesar yang belum pernah dilakukan oleh mana-mana pihak untuk mengumpulkan peribahasa Melayu lama dan baharu dalam satu himpunan yang lengkap, maka pemilihan sampel ini sebagai kajian adalah lebih munasabah.

Hasil penyelidikan perpustakaan yang dilakukan, didapati bidalan dan pepatah mengandungi pengajaran. Sebaliknya simpulan bahasa dan perumpamaan hanya menjelaskan sesuatu perkara. Perbezaan antara bidalan dengan pepatah ialah bidalan lebih kerap digunakan, mempunyai nilai, ilmu dan pengajaran sedangkan pepatah lebih ringkas sifatnya berfungsi sebagai pedoman hidup anggota masyarakat yang mengamalkan sesuatu adat resam. Bertolak dari huraian ini, maka secara rasionalnya pengkaji memilih bidalan bagi tujuan klasifikasi nilai-nilai murni. Bidalan ini dikenal pasti berdasarkan tanda ‘bd’ pada hujung setiap peribahasa dalam kamus peribahasa tersebut. Bidalan ialah pepatah atau peribahasa yang berfungsi sebagai nasihat (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd., 2001). Sebanyak 314 bidalan yang terdapat dalam kamus ini.

Pengkaji akan meneliti setiap bidalan dan mengkategorikannya berdasarkan 17 nilai-nilai murni yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun dalam bahagian perbincangan pengkaji akan mencadangkan nilai-nilai murni yang lain dengan mengambil contoh pepatah dan bidalan yang sesuai.

Pengkaji mengklasifikasikan berdasarkan 17 nilai murni yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan berpandukan beberapa kajian yang dibuat sebelum ini. Mengikut Sulaiman Masri (2002) dalam tempoh 20 tahun ini, terdapat 17 komponen nilai murni dipupuk dan diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran pelbagai subjek di Malaysia. Nilai-nilai lain yang dijadikan landasan pembinaan wawasan baharu menerusi pendidikan termasuklah nilai Islam, nilai Timur, nilai Barat, dan nilai global. Ini bermakna, 17 nilai murni yang diterapkan secara menyeluruh dalam semua subjek KBSM di Malaysia bersifat universal, yakni tidak bercanggah dengan agama, budaya, dan norma masyarakat Malaysia. Berasaskan alasan tersebut maka nilai yang dianalisis berdasarkan 17 komponen nilai dalam KBSM.

Kajian ini juga turut meninjau dan memerhatikan cara guru mengajar peribahasa yang diamalkan sekarang. Kajian hanya dilakukan di sekolah pengkaji iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jana, Kamunting. Walau bagaimanapun kajian yang dijalankan sekadar mengenal pasti cara pengajaran kerana tujuan kajian sebenarnya untuk melihat nilai-nilai murni dalam peribahasa.